

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**VHT 223 – Seni Lukis Moden Malaysia**

Masa : 3 jam

---

**Arahan:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan dan **TIGA [3]** muka surat yang bercetak.
  
  2. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Soalan 1 di Bahagian A adalah **wajib** dan pilih **TIGA [3]** soalan di Bahagian B.
  
  3. Soalan 1 bernilai 40 markah. Soalan 2, 3, 4, 5, dan 6 bernilai 20 markah.
-

**Bahagian A**

1. Lapan [8] sisipan akan ditayangkan. Untuk setiap sisipan nyatakan;
  - a] Nama Seniman
  - b] Tajuk Karya
  - c] Tahun Karya dicipta
  - d] Berikan ulasan sebanyak 5 ayat terhadap karya terbabit

[40 markah]

**Bahagian B**

2. Seni lukis moden Malaysia dari tahun 1930-an sehingga ke 1950-an dikatakan amat terikat dengan persoalan bahantara, teknik dan tema tertentu. Adakah hal tersebut benar? Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh.  
[20 markah]
3. Huraikan perbezaan ketara dari segi tema dan gaya di antara pelukis moden Malaysia pada tahun 1930-an dan 1940-an berbanding pelukis moden Malaysia pada tahun 1960-an dan 1970-an.  
[20 markah]
4. Latiff Mohidin sering dirujuk sebagai pelukis penting dalam konteks seni lukis moden Malaysia. Huraikan mengapa beliau tidak boleh dinafikan dari dianggap sebagai seniman utama Malaysia.  
[20 markah]
5. Huraikan perbezaan konsep dan tema yang wujud di antara karya seniman ekspressionisme abstrak dan situasi baru (*new scene*) pada 1970-an.  
[20 markah]
6. Pada tahun 1980-an ramai pelukis tempatan telah mencipta karya-karya yang beridentitikan tempatan. Dengan berpandukan beberapa contoh karya hujahkan sejauh manakah kejayaan mereka dalam merepresentasikan jiwa dan identiti kebudayaan tempatan itu pada karya mereka.  
[20 markah]

7. Seni lukis moden Malaysia pada 1990-an dilihat telah banyak merombak dan mencabar pemahaman pemerhati mengenai seni melalui penggunaan medium dan format karya yang amat jauh berbeza berbanding sebelumnya. Adakah hal tersebut baik dalam konteks perkembangan dan pembangunan seni lukis moden Malaysia? Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh.

[20 markah]

- oooOooo -